

16 OCT 1996

Mahathir-TNB

KERAJAAN SUDAH BUAT KEPUTUSAN MENGENAI TNB

KUALA LUMPUR, 16 Okt (Bernama) -- Kerajaan sudah membuat keputusan mengenai kadar rebat kepada pengguna ekoran gangguan bekalan elektrik di seluruh Semenanjung 3 Ogos lepas tetapi menyerahkan kepada Tenaga Nasional Berhad untuk menetapkan sama ada untuk membayarnya atau tidak, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata keputusan mengenai perkara itu dibuat pada mesyuarat kabinet hari ini yang membincangkan mengenai laporan TNB berhubung kejadian itu.

Ketika ditanya sama ada keputusan itu membabitkan pemberian pampasan atau rebat kepada pengguna, beliau berkata: "Adalah unsur-unsur itu."

"Kita akui mana-mana di dunia tak ada tanggungan oleh (syarikat) public utility terhadap kejadian sedemikian. Tetapi kerajaan ada pendirian yang berbeza sedikit," katanya ketika ditemui di bangunan Parlimen semasa beliau menghadiri persidangan Dewan Rakyat.

Dr Mahathir berkata keputusan kerajaan itu akan dikemukakan kepada TNB untuk dipertimbangkan kerana di mana-mana negarapun, syarikat pembekal kemudahan awam tidak boleh dipertanggungjawabkan terhadap sebarang gangguan.

"Keputusan itu mungkin menggembirakan pengguna...tapi mana pernah pengguna gembira," katanya.

Perdana Menteri berkata keputusan kerajaan itu bagaimanapun tidak boleh dijadikan satu contoh ikutan pada masa depan.

Isnin lepas, Dr Mahathir berkata kerajaan sedang mengkaji mengenai pampasan untuk pengguna berhubung kejadian itu.

Semalam, Menteri Tenaga, Telekom da Pos, Datuk Leo Moggie berkata kerajaan tidak boleh mengarahkan TNB membayar pampasan atau ganti rugi kepada pengguna yang mengalami kerugian berikutan kejadian itu.

Katanya hanya mahkamah yang boleh membuat arahan itu sekiranya kejadian itu jelas disebabkan oleh kecuaiannya TNB. --BERAMA

ARA MAI